

Semua kaum di Malaysia perlu patuhi nasihat PM

21 JUN 2002

SEMUA kaum perlu menjadikan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai panduan dalam usaha memupuk bangsa Malaysia yang lebih maju.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata semua kaum boleh saling mempelajari antara satu sama lain.

"Orang Cina ada kelebihan yang boleh dipelajari Melayu. Orang Melayu juga mempunyai kelebihan yang boleh dipelajari orang Cina seperti mereka boleh bersatu dengan cepat dan mempunyai pendirian sama dalam sesuatu isu.

"Yang penting, kita boleh belajar antara satu sama lain," katanya mengulas ucapan dasar Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Umno, hari ini.

Dr Ling berkata, ucapan Dr Mahathir juga membuat rakyat sedar bahawa glo-

balisasi dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bukan semuanya baik.

"Kita harus mengambil langkah menterjemahkan semula semua perkembangan itu untuk kebaikan rakyat," katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pula, berkata ucapan Dr Mahathir tepat pada masa bagi memperbaiki keadaan sedia ada.

Katanya, nasihat Presiden Umno juga amat berkesan dan berguna bagi memperbaiki situasi sekarang dan perlu diterima semua pihak.

"Jika nasihat itu tidak diterima, ia tidak boleh menjejaskan matlamat kerajaan membina negara moden," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata ucapan Presiden Umno menjelaskan apa yang berlaku di dunia dan Malaysia.

Katanya, teguran Dr Mahathir terhadap orang Melayu adalah untuk mengubah mereka menjadi lebih baik.

"Teguran beliau (Perdana Menteri) juga untuk menyedarkan bukan Islam bahawa Islam bukan alat keganasan," katanya yang memuji keberanian Dr Mahathir menegur orang Melayu secara terbuka.

Katanya, Presiden Umno juga sedar penyakit yang melanda masyarakat Melayu dan beliau mengemukakan beberapa cadangan.

"Sebagai doktor beliau sudah tahu apa penyakit yang melanda orang Melayu dan lebih membanggakan beliau (Dr Mahathir) tahu apa ubat yang boleh digunakan untuk mengubat mereka.

"Dengan itu, orang Melayu dan Umno perlu mendengar teguran Dr Mahathir," katanya.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, berkata ucapan Perdana Menteri itu satu mesej secara langsung kepada Bumiputera, khususnya Melayu dan perlu diterima dengan minda terbuka dan disusuli tindak balas positif.

"Tidak ramai pemimpin di dunia yang boleh menyampaikan mesej kepada bangsa mereka sendiri seperti dilakukan Dr Mahathir," katanya.

Chua berkata, walaupun Dr Mahathir menyarankan Melayu perlu mempelajari daripada bangsa Tionghua, orang Tionghua juga perlu belajar daripada Melayu mengenai perpaduan dalam parti dan cara berpolitik.

"Kita perlu belajar daripada Melayu bagaimana mereka dapat bersepadu dalam satu parti sejak 1946 dan semakin lama semakin kuat dan teguh," katanya.